

# PANDUAN PERKHIDMATAN

## Apakah Perkhidmatan yang anda harapkan dari Kakitangan Bank?

Agrobank menawarkan produk takaful yang di taja jamin oleh Takaful Ikhlas melalui cawangan Agrobank. Jika anda ingin menyertai produk individu takaful keluarga melalui kakitangan bank, berikut merupakan perkhidmatan nilai tambah yang anda boleh nikmati:-

### • Membantu anda dalam Memilih Pelan Takaful yang Sesuai

- Meneliti kandungan borang Pencarian Fakta Pelanggan untuk memahami keperluan kewangan dan keperluan risiko anda.
- Mencadangkan pelan Takaful yang sesuai selepas menilai keperluan anda.

### • Menerangkan Ciri-Ciri Produk

- Menerangkan ciri-ciri pelan, manfaat yang dibayar, pengecualian, sumbangan dan caj-caj.
- Menyediakan Helaian Penerangan Produk, untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.

Sebelum anda menyertai Pelan Takaful



### • Membantu anda melengkapkan Permohonan Takaful

- Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dengan lengkap dan tepat.
- Menerangkan kepentingan membuat penamaan dan/atau hibah untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar diterima oleh penama atau benefisiari anda sekiranya berlaku kematian.
- Mengemukakan permohonan Takaful anda untuk pengunderaitan selepas anda menandatangani borang cadangan.

### • Menerangkan Terma-terma dan Syarat-syarat Sijil

- Sijil Takaful anda akan diberikan/ dihantar melalui pos dalam masa 30 hari.
- Menerangkan syarat-syarat dan terma-terma sijil untuk memastikan bahawa ini adalah pelan Takaful yang sesuai yang telah oleh anda.

Apabila anda membuat keputusan untuk menyertai Pelan Takaful



### • Perkhidmatan Sijil Berterusan

- Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan seperti pengubahsuaian sijil, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran sumbangan.

### • Membantu anda dalam membuat Tuntutan Takaful

- Membimbing anda melalui prosedur standard mengenai tatacara untuk membuat tuntutan Takaful.

Semasa Tempoh Pelan Takaful



### Portal Pelanggan

Sila layari portal pelanggan Takaful Ikhlas di <https://oca.eikhlas.com.my/oca/> untuk akses atas talian kepada maklumat sijil Takaful anda.

Jika anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kakitangan bank, atau memerlukan sokongan tambahan daripada kami, anda boleh menghubungi kami di **Talian Khidmat Pelanggan Agrobank di 1-300-88-2476** atau **Talian Khidmat Pelanggan Takaful Ikhlas di 03-27239696**